SAMPEL PERCUMA

Nota Padat Pendidikan Islam Tingkatan 4 KSSM

Set penuh: PI & Moral T1–5

Set Pendidikan Islam T1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 7 fail PDF
- Nota Padat PI T1–3 (18 m/s)
- Nota Padat PI T4–5 + K1 K2 + skema (32 m/s)
- Latihan PI Tingkatan 1 + jawapan (38 m/s)
- Latihan PI Tingkatan 2 + jawapan (30 m/s)

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/pendidikan-islam-moral-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

NIGHTMEW · KSSM

Nota Pecutan Akhir Pendidikan Islam Tingkatan 4

Edisi A+ Premium

Al-Quran & Tajwid | Hadis | Akidah | Ibadah | Sirah | Adab & Akhlak

Dalam edisi ini:

- ✔ Nota padat semua bidang Tingkatan 4 KSSM
- ✔ Formula kata kunci untuk soalan KBAT
- ✔ 40 soalan objektif gaya SPM
- ✔ 6 soalan struktur (subjektif) gaya SPM
- ✔ Skema jawapan penuh untuk semua soalan
- ✔ Tips menjawab kertas SPM Pendidikan Islam

Rujuk juga buku teks KSSM Tingkatan 4 untuk ayat, hadis dan halaman yang ditetapkan guru.

Nightmew Studios

Kandungan

Bahagian A — Nota Pecutan

1. Al-Quran & Tajwid: Sunnatullah, Larangan Mempersendakan Agama, Dakwah Pemacu Kemajuan, Hukum Mad 3

2. Hadis: Hindari Dosa Besar, Kemuliaan Berdikari 6

3. Akidah: al-Muntaqim & al-Jabbar, Perkara Membatalkan Iman, Ajaran Sesat 8

4. Ibadah: Haji & Umrah, Sembelihan/Korban/Akikah, Muamalat, Solat Dhuha & Gerhana 10

5. Sirah: Khulafa' ar-Rasyidin, Umaiyah, Abbasiyah, Tokoh Mazhab 13

6. Adab & Akhlak: Khauf & Raja', Adab Orang Sakit & OKU, Wasatiyah 15

7. Formula Kata Kunci (jawapan KBAT) 17

Bahagian B — Latihan: 40 objektif + 6 struktur 18

Bahagian C — Skema Jawapan 24

Bahagian D — Tips Menjawab SPM 27

Cara guna: Baca satu bidang → jawab soalan latihan bidang itu → semak skema → tanda topik yang lemah dan ulang.

Peta Kertas SPM Pendidikan Islam (ringkas)

Bahagian	Fokus	Tips
Soalan Al-Quran	Tilawah, hafazan, kefahaman ayat, tajwid	Hafal pengajaran ayat; mulakan dengan "Kita hendaklah…"
Soalan Hadis	Maksud hadis, pengajaran, contoh amalan	Jawab berdasarkan isi hadis sahaja
Soalan Akidah	Asmaul Husna, iman, ajaran sesat	Kenal pasti aspek (iktikad / perkataan / perbuatan)
Soalan Ibadah	Haji, korban, muamalat, solat sunat	Ikut istilah fekah tepat (rukun, syarat, sunat)
Soalan Sirah	Kerajaan Islam, tokoh mazhab	Ingat nama + sumbangan + iktibar
Soalan Akhlak	Khauf & raja', adab, wasatiyah	Beri contoh situasi pelajar

3 Akidah

3.1 Al-Muntaqim dan Al-Jabbar

	Al-Muntaqim	Al-Jabbar
Maksud	Allah Maha Pembalas — menimpakan azab kepada orang yang melampaui batas.	Allah Maha Perkasa / berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya.
Kefahaman	• Seksaan neraka untuk yang menolak peringatan al-Quran • Azab kemarau panjang kepada kaum yang menolak dakwah Rasul	• Allah menguasai seluruh alam; semua makhluk di bawah perintah-Nya • Orang sombong dicampakkan ke neraka
Kesan kepada diri	Takut melakukan maksiat · segera bertaubat · tidak berdendam (serah balasan kepada Allah)	Rendah diri · tidak sombong · yakin hanya Allah berkuasa penuh

Perbezaan pantas: Muntaqim = BALAS. Jabbar = KUASA MUTLAK.

3.2 Perkara yang Membatalkan Iman

3 perkara	Iktikad (kepercayaan) · Perkataan · Perbuatan
Batal iman melalui iktikad	Ada perkataan "mengingkari": • **Al-Uluhiyyah**: ingkar kewujudan Allah sebagai pencipta • **Al-Nubuwwah**: ingkar kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir • **Al-Ghaibiyyat**: ingkar kewujudan malaikat, jin, hari akhirat • **Al-Syariah**: ingkar rukun Islam atau salah satunya
Contoh perkataan	"Saya tidak lagi beragama Islam"; "Saya tidak percaya syurga dan neraka".
Contoh perbuatan	Sujud kepada berhala; melakukan upacara ibadat agama lain.
Syarat terbatal iman	• Dilakukan dengan sengaja dan pilihan sendiri (bukan dipaksa) • Mengetahui perkara itu boleh membawa kepada kufur
Kesan	Formula **BEN JI MAR**: DiBENci Allah · JIwa resah · MARuah tercemar. Amalan terhapus; hubungan perkahwinan terjejas.
Cara menjauhi	Formula **A B C D**.

3.3 Ajaran Sesat

Maksud	Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.

Aspek	Ciri ajaran sesat
Al-Quran & Hadis	Mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata · berpegang kepada al-Quran sahaja dan menolak hadis
Akidah	Mengaku menjadi nabi atau rasul · mendakwa guru boleh menebus dosa

4 Ibadah (Fekah)

4.1 Haji dan Umrah

Maksud haji	Menuju ke Baitullah untuk melakukan ibadat tertentu dengan syarat-syarat tertentu pada waktu tertentu (bulan haji).
Maksud umrah	Menuju ke Baitullah untuk melakukan ibadat tertentu dengan syarat tertentu, boleh dilakukan bila-bila masa.
Hukum	Wajib sekali seumur hidup bagi yang mampu (Surah Ali 'Imran 3:97). Umrah juga wajib sekali seumur hidup menurut mazhab Syafie.
Syarat wajib haji	**Islam Bukan Boleh Main Main**: Islam · Baligh · Berakal · Merdeka · Mampu (istitaah)
Rukun haji	**Nina Went To School By Taxi**: Niat (ihram) · Wukuf di Arafah · Tawaf (ifadah) · Saie · Bercukur/bergunting · Tertib
Rukun umrah	Niat · Tawaf · Saie · Bercukur/bergunting · Tertib (tiada wukuf)
Wajib haji	• Niat ihram di miqat • Bermalam (mabit) di Muzdalifah • Bermalam di Mina pada hari tasyrik • Melontar Jamrah Aqabah (10 Zulhijjah) dan tiga jamrah pada hari tasyrik • Meninggalkan larangan ihram • Tawaf wada'
Rukun vs wajib	Tinggal **rukun** → haji tidak sah. Tinggal **wajib** → haji sah tetapi wajib bayar dam.

Larangan ihram

Lelaki	Wanita	Lelaki & wanita
• Menutup kepala • Memakai pakaian berjahit	• Menutup muka • Memakai sarung tangan	• Memakai wangian • Memotong kuku, mencukur/mencabut rambut • Memburu binatang darat • Akad nikah • Bersetubuh

Miqat	Keterangan
Miqat zamani (masa)	Haji: 1 Syawal hingga fajar 10 Zulhijjah. Umrah: sepanjang tahun.
Miqat makani (tempat)	Tempat mula berihram, cth. Zulhulaifah (Bir Ali) dari Madinah; Yalamlam dari arah Yaman; Qarnul Manazil; Zatu Irq; Juhfah.

Jenis haji	Cara	Dam
Ifrad	Haji dahulu, kemudian umrah	Tiada
Tamattuk	Umrah dahulu dalam bulan haji, kemudian haji pada tahun yang sama	Wajib dam
Qiran	Niat haji dan umrah serentak	Wajib dam

HIKMAH HAJI

• Melahirkan sifat sabar dan ikhlas · menyatukan umat Islam seluruh dunia · menginsafi kehidupan akhirat (pakaian ihram seperti kain kafan) · memupuk disiplin.

4.2 Sembelihan, Korban dan Akikah

Sembelihan	Memutuskan halkum (saluran pernafasan) dan mari' (saluran makanan) binatang yang halal dimakan dengan alat yang tajam, menurut syarak.
Korban	Menyembelih binatang ternakan tertentu pada Hari Raya Aidiladha dan hari tasyrik untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
Akikah	Menyembelih binatang ternakan sempena kelahiran bayi sebagai tanda syukur.
Hukum	Sembelihan: wajib (untuk menghalalkan binatang darat yang halal dimakan). Korban & akikah: **sunat muakkad**.
Rukun sembelihan	Penyembelih · Binatang sembelihan · Alat sembelihan (dan perbuatan menyembelih)

	Sembelihan	Korban	Akikah
Syarat sah	Penyembelih beragama Islam; alat tajam (bukan gigi, kuku, tulang); putus halkum & mari'	Niat korban ketika menyembelih; binatang cukup umur, tiada cacat; dalam waktu korban	Niat akikah ketika menyembelih; binatang cukup umur, tiada cacat
Perkara sunat	Membaca basmalah; alat yang tajam; menghadap kiblat; menajamkan pisau jauh dari pandangan binatang	Membaca basmalah dan selawat; menyembelih sendiri; makan sedikit daging	Dilakukan pada hari ke-7 kelahiran; cukur rambut dan beri nama; daging dimasak sebelum diagih
Waktu	Bila-bila masa	Selepas solat Aidiladha (10 Zulhijjah) hingga terbenam matahari 13 Zulhijjah	Afdal hari ke-7; boleh sebelum baligh

Binatang korban	Umur minimum	Bahagian
Unta	5 tahun	7 orang
Lembu / kerbau	2 tahun	7 orang
Kambing	2 tahun	1 orang
Biri-biri (domba)	1 tahun (atau telah tanggal gigi hadapan)	1 orang

Akikah: sunat 2 ekor kambing untuk bayi lelaki, 1 ekor untuk bayi perempuan. Daging korban sunat diagih mentah; daging akikah sunat diagih yang telah dimasak.

4.3 Muamalat

Maksud muamalat	Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan dan harta seperti jual beli, sewa dan pinjaman.
Kepentingan	Melahirkan masyarakat yang prihatin, membanteras ketidakadilan, mengelak penindasan.
Matlamat pensyariatan	• Menunjukkan keadilan Allah SWT mengatur urusan hidup manusia • Mendapat keredaan Allah SWT kerana melaksanakan perintah-Nya
Unsur yang diharamkan	**Riba** (tambahan bersyarat atas pinjaman/pertukaran) · **Judi** (maisir) · **Gharar** (ketidakpastian/penipuan) · **Dharar** (memudaratkan pihak lain)
Maksud akad	Ijab dan qabul dalam urusan perniagaan dan kewangan yang memberi kesan syarak.
Rukun akad	Pihak berakad (penjual & pembeli) · Perkara yang diakadkan (barang & harga) · Sighah (ijab & qabul)

Jenis akad	Contoh
Pertukaran	Jual beli (bai'), sewa (ijarah)
Kebajikan (tabarru')	Hibah, sedekah, wakaf, pinjaman (qard)
Perkongsian	Musyarakah, mudharabah
Jaminan	Kafalah, gadaian (rahn)

4.4 Solat Sunat Dhuha dan Solat Gerhana

	Solat Dhuha	Solat Gerhana
Maksud	Solat sunat yang dilakukan antara matahari naik selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari	Solat sunat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari (kusuf) atau gerhana bulan (khusuf)
Hukum	Sunat muakkad	Sunat muakkad
Rakaat	2, 4, 6 atau 8 (sekurang-kurangnya 2)	2 rakaat; setiap rakaat 2 kali qiam dan 2 kali rukuk
Cara	Digalakkan bersendirian; salam setiap 2 rakaat	Sunat berjemaah dan diikuti dua khutbah
Waktu	Kira-kira 15–20 minit selepas syuruk hingga sebelum zohor	Bermula gerhana hingga gerhana habis
Hikmah	Dimurahkan rezeki, tanda syukur pada waktu pagi	Menginsafi kebesaran Allah; gerhana tanda kekuasaan Allah, bukan kerana kematian atau kelahiran seseorang

6 Adab & Akhlak

6.1 Khauf dan Raja'

Khauf	Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi larangan-Nya.
Raja'	Mengharapkan keredaan Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya.
Cara dapatkan	Formula A B C D; banyak mengingati mati; mendalami ayat syurga dan neraka.
Hikmah	• Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan • Melahirkan insan yang bertawakal setelah berusaha bersungguh-sungguh
Konsep seimbang	Khauf dan raja' mesti bersangka baik kepada Allah. Ganjaran syurga menjadi motivasi untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Terlalu khauf tanpa raja'	Terlalu raja' tanpa khauf
Putus asa daripada rahmat Allah	Merasa selamat, berani buat dosa

6.2 Adab terhadap Orang Sakit dan Orang Kurang Upaya

Maksud OKU	Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat sejak lahir atau selepasnya.

Aspek	Adab terhadap OKU	Adab terhadap orang sakit
Ibadah	Menyediakan kemudahan untuk beribadat dengan selesa	Mendoakan kesihatan; membantu melakukan ibadat
Emosi	Tidak mengejek dan menghina	Beri semangat dan motivasi; jaga ketenteraman (tidak bising)
Fizikal	Tidak menyalahgunakan kemudahan mereka (cth. parkir OKU)	Pastikan tempat dan tubuh pesakit bersih; sediakan kemudahan

HIKMAH

Orang sakit: melahirkan keinsafan atas nikmat kesihatan · menggembirakan pesakit agar hatinya tenang.
OKU: melahirkan rasa syukur atas fizikal dan mental sempurna · OKU rasa dihargai kerana mendapat perhatian dan peluang.

6.3 Wasatiyah Menjamin Kecemerlangan Ummah

Maksud wasatiyah	Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
4 prinsip	Kesederhanaan · Keseimbangan · Keadilan · Kecemerlangan

C Skema Jawapan

Objektif

1. A	2. C	3. B	4. B	5. C
6. D	7. A	8. C	9. D	10. B
11. B	12. A	13. D	14. C	15. A
16. C	17. B	18. D	19. A	20. C
21. D	22. D	23. B	24. A	25. B
26. B	27. A	28. C	29. C	30. C
31. A	32. B	33. B	34. B	35. C
36. A	37. B	38. D	39. B	40. A

Penerangan ringkas soalan pilihan

No.	Sebab
6	Serban ialah pakaian yang dikaitkan dengan sunnah; mentertawakannya = menghina sunnah.
9	Meninggalkan solat sunat bukan dosa. Sihir, riba dan qazaf ada dalam hadis.
18	Orang yang dipaksa dan hatinya tetap beriman tidak terbatal imannya.
25	Bermalam di Muzdalifah ialah **wajib** haji, bukan rukun → haji sah, wajib dam.
30	Barang tidak dapat diserahkan dan tidak pasti → gharar.
40	Memenuhi keperluan akal, jasmani dan rohani = keseimbangan.

Struktur

SOALAN 1

(a) Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT ke atas semua makhluk dan tiada sesiapa yang boleh mengubahnya. [2]

(b) Mana-mana dua: bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah · merangkumi semua makhluk · berlaku pada umat dahulu dan sekarang. [2]

(c) Merancang dengan bijak, iaitu menyimpan bekalan makanan ketika musim subur untuk digunakan ketika musim kemarau. [2]

(d) Bersikap angkuh / sombong · menuduh Nabi Soleh pendusta · membunuh unta mukjizat. (Mana-mana dua) [2]

(e) Kita hendaklah menguasai ilmu pengetahuan · menjaga kesihatan tubuh badan · memperkukuh iman supaya berjaya. (Mana-mana dua, terima jawapan munasabah) [2]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: PI & Moral T1–5

Set Pendidikan Islam T1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 7 fail PDF
- Nota Padat PI T1–3 (18 m/s)
- Nota Padat PI T4–5 + K1 K2 + skema (32 m/s)
- Latihan PI Tingkatan 1 + jawapan (38 m/s)
- Latihan PI Tingkatan 2 + jawapan (30 m/s)

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/pendidikan-islam-moral-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar